



AGENSİ NUKLEAR MALAYSIA (NUKLEAR MALAYSIA)  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA  
BANGI, 43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA

MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY (NUCLEAR MALAYSIA)  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION, MALAYSIA  
BANGI, 43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA



Tel: 03-8925 0510  
Faks: 603 - 8925 8262  
<http://www.nuclearmalaysia.gov.my>

Ruj. Kami (Our Ref.) : NM: BKT.UKL.004.003.006. ( 54 )  
Ruj. Tuan (Your Ref.) :  
Tarikh (Date) : 21 May 2009

*Pelanggan yang dihormati,*

**Seminar Penulisan dan Penerbitan Sainstifik 2009  
Hotel Cititel Midvalley, Kuala Lumpur  
21-22 Julai 2009**

Salam hormat daripada kami di Pusat Latihan, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Bangi.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) akan menganjurkan *Seminar Penulisan dan Penerbitan Sainstifik 2009* dengan tema '*Menyemarak Tradisi Ilmu*' pada 21-22 Julai 2009 di Hotel Cititel Midvalley, Kuala Lumpur.

3. Seminar ini dijangka akan dihadiri kalangan penyelidik, pensyarah, pegawai penerbitan, penulis, pustakawan dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang penulisan dan penerbitan dari sektor awam, badan korporat serta sektor swasta. Sejumlah 12 kertas kerja meliputi satu ucap tema, 3 ucap utama dan 8 kertas kerja akan dibentang mengikut setiap gugus dan diikuti dengan forum pada akhir seminar.

- Gugus 1 : Etika penulisan dan penerbitan saintifik
- Gugus 2 : Peranan dan masa depan
- Gugus 3 : Cabaran Penerbitan

4. Bersama ini dilampirkan brosur *Seminar Penulisan dan Penerbitan Sainstifik 2009* untuk perhatian tuan. Untuk maklumat lanjut, silalah berhubung terus dengan saya atau Puan Zuhaira binti Hashim atau Cik Mariatulhikhtiyah binti Noor melalui talian 03-8925 0510 samb. 1817 / 1538 / 1243 atau melalui emel [roby@nuclearmalaysia.gov.my](mailto:roby@nuclearmalaysia.gov.my) atau [zuhaira@nuclearmalaysia.gov.my](mailto:zuhaira@nuclearmalaysia.gov.my) atau [mariatul@nuclearmalaysia.gov.my](mailto:mariatul@nuclearmalaysia.gov.my).

*Sdr. Anton -  
Wage -  
11/6*



Sila gunakan rujukan kami dalam surat-menyurat  
(Please quote our reference when corresponding)



# PROGRAM

## HARI 1

- 08:30 Pendaftaran
- 09:00 Perasmian
- 09:30 Kudapan

### Gugus 1 : Etika Penulisan dan Penerbitan Sainstifik

- 10:00 Ucap Tema: Menyemarak Tradisi Ilmu
- 11:00 Ucap Utama 1: Undang-undang dan hak cipta penulisan serta penerbitan saintifik
- 11:45 Kertas 1: Keselamatan maklumat dalam penulisan dan penerbitan saintifik
- 12:20 Kertas 2: Etika penulisan dalam penerbitan saintifik
- 12:55 Merarau

### Gugus 2 : Peranan dan Masa Depan

- 14:00 Ucap Utama 2: Aspek komunikasi bertulis dalam penghasilan karya
- 14:45 Kertas 3: Kemantapan editorial dan penyuntingan dalam menghasilkan karya saintifik yang berkesan
- 15:20 Kertas 4: Ke arah menghasilkan karya saintifik berwibawa
- 15:55 Kertas 5: Peranan pusat penyelidikan di Malaysia memartabatkan penerbitan saintifik
- 16:30 Kertas 6: Masa depan penulisan dan penerbitan saintifik Malaysia di persada antarabangsa
- 17:05 Kudapan
- 17:30 Tamat hari pertama

## HARI 2

### Gugus 3: Cabaran Penerbitan

- 08:45 Ucap Utama 3: Penerbitan saintifik sebagai khazanah ilmu warisan bangsa
- 09:30 Kertas 7: Karya saintifik dalam talian: Inisiatif, cabaran dan strategi
- 10:05 Kertas 8: Pengurusan promosi dan pemasaran penerbitan saintifik
- 10:40 Kudapan
- 11:00 Forum: Menyemarak tradisi ilmu
- 12:00 Majlis penutup
- 12:45 Tamat Merarau

# BORANG PENDAFTARAN

Seminar  
Penulisan  
& Penerbitan  
Sainstifik 2009  
Menyemarak Tradisi Ilmu

Nama	No. Kad Pengenalan
1	
2	
3	

Yuran pendaftaran RM \_\_\_\_\_ (tunal/cek/draf bank/pesanan kerajaan) dibayar atas nama Malaysian Radiation Protection Association (MARPA).

Nama Pegawai Melulus : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Nama Majikan : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Tel : \_\_\_\_\_

Faks : \_\_\_\_\_

Emel : \_\_\_\_\_

(Salinan foto juga diterima)

Cop Rasmi  
Majikan

Sila pos atau faks borang pendaftaran lengkap beserta bayaran kepada:

#### Ketua Pengarah

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)  
Bangi, 43000 Kajang  
(u.p.: Pusat Latihan)

Faks : 03 8925 3687  
Tel : 03 8925 0510 Samb. 1538/1817/1243

Up : Shafai bin Hassan / Zuhaira binti Hashim / Robiatul Adawiyah  
binti Ahmad Tajuddin / Mariatulkitabiyah binti Noor

Emel : zuhaira@nuclearmalaysia.gov.my  
robby@nuclearmalaysia.gov.my  
mariatul@nuclearmalaysia.gov.my

# Seminar Penulisan & Penerbitan Sainstifik 2009

Menyemarak Tradisi Ilmu

21 - 22 Julai 2009

Hotel Cititel Midvalley,  
Kuala Lumpur

Litupan

- Cabaran penulisan dan penerbitan saintifik
  - Hak cipta penerbitan saintifik
  - Keselamatan maklumat
- Pengurusan editorial dan penyuntingan
- Masa depan penulisan dan penerbitan saintifik
- Aspek bahasa dan gaya dalam penulisan dan penerbitan
  - Penulisan dan penerbitan elektronik
- Undang-undang dan akta dalam penulisan dan penerbitan
  - Pemasaran penulisan dan penerbitan saintifik
  - Penerbitan saintifik melangkaui ruang sempadan

AMURAN BERSAMA





# PENGENALAN

Dalam dunia siber, internet dan laman web merupakan sumber informasi terkini dalam masyarakat. Justeru itu, sesetengah pihak beranggapan akan berakhirnya peranan media cetak. Ternyata tanggapan tersebut meleset berikutan setiap satu memainkan peranan yang tersendiri dan berkembang dengan jalurnya. Begitulah penerbitan, media cetak terus membanjiri masyarakat. Kemajuan dan penggunaan meluas teknologi maklumat dalam kehidupan kita hari ini telah membuka peluang baharu kepada industri penerbitan amnya dan penerbitan saintifik khususnya.

Penulisan dan penerbitan saintifik adalah kunci dalam pembentukan dan penyebaran ilmu kerana ia adalah nadi kepada sistem pendidikan dan pembentukan budaya bangsa. Kemajuan sesebuah negara dan masyarakat biasanya dilandasi khazanah penulisan dan penerbitan yang kukuh. Sejarah kebudayaan dan tamadun manusia membuktikan bahawa tanpa penulisan dan penerbitan yang aktif, kemajuan masyarakatnya tidak akan berkekalan.

Prinsip penerbitan adalah mendukung aspirasi budaya, intelektual, sosial dan moral dalam menyampaikan ilmu. Penerbitan saintifik perlu dipertingkatkan dan dipertingkatkan dalam gaya yang menarik agar sampai kepada khalayak sasaran bagi menarik minat membaca dalam kalangan masyarakat sejajar dengan arahan kerajaan untuk menjadikan membaca sebagai budaya dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama.

Di dalam era globalisasi dunia penulisan dan penerbitan saintifik berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk memenuhi kehendak profesional dan orientasi perniagaan. Lambakan penerbitan bukan saintifik seperti penerbitan hiburan dan fiksiyen memberi saingan hebat dan mengakibatkan pasaran penulisan dan penerbitan saintifik sering dibelenggu masalah.

Seminar yang akan diadakan selama satu setengah hari ini akan mengupas topik-topik dalam dunia penerbitan hari ini menangkumi cabaran, hak cipta, undang-undang, keselamatan maklumat dan masa depan penerbitan saintifik. Topik-topik ini akan dibentangkan oleh tokoh-tokoh yang dikitaraf dan pakar dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik.

# OBJEKTIF

- Membina profesionalisme dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik
- Mendedahkan peserta kepada dunia penulisan dan penerbitan bagi meningkatkan mutu dan produktiviti
- Menambah nilai kepada penulisan dan penerbitan saintifik
- Mendapat praktis terbaik daripada organisasi dan badan yang terlibat dalam penerbitan saintifik

# LITUPAN

12 kertas termasuk 1 ucapan utama, 3 ucapan tema dan 8 kertas kerja yang akan dibentangkan oleh tokoh-tokoh penceramah tempatan merangkumi topik-topik di bawah:

- Cabaran penulisan dan penerbitan saintifik
- Hak cipta penulisan dan penerbitan saintifik
- Keselamatan maklumat
- Pengurusan editorial dan penyuntingan
- Masa depan penulisan dan penerbitan saintifik
- Aspek bahasa dan gaya dalam penulisan dan penerbitan
- Penulisan dan penerbitan elektronik
- Undang-undang dan akta dalam penulisan dan penerbitan
- Pemasaran penulisan dan penerbitan saintifik

# PENDAFTARAN

- Pendaftaran perseorangan per paks ..... RM 780.00
- Pendaftaran berkumpulan per paks ..... RM 740.00  
(Untuk 2 atau lebih peserta dari organisasi yang sama)

Borang pendaftaran lengkap hendaklah disertakan dengan yuran pendaftaran. Yuran termasuk kos bahan kursus, kudapan dan makan tengah hari. Bayaran melalui cek/ draf bank/ pesanan hendaklah dibuat atas nama Malaysian Radiation Protection Association (MARPA), CIMB Cawangan Country Heights (No. 1232-000-346-605-8). Sila kemukakan slip bank semasa pendaftaran sebagai bukti pembayaran.

# FORUM

Cabaran, kemajuan, hala tuju, keselamatan maklumat serta isu pemasaran penulisan dan penerbitan saintifik akan dibincangkan dengan lebih lanjut oleh wakil-wakil dari organisasi dan badan-badan yang terlibat pada akhir seminar.

# PESERTA

Terbuka kepada sektor awam, badan berkanun dan sektor swasta yang terlibat dalam bidang penulisan dan penerbitan karya saintifik khususnya penyelidik, pensyarah, pegawai penerbitan, pustakawan, dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang penulisan dan penerbitan.

# TARIKH TUTUP

Penerimaan borang pendaftaran sebelum **3 Julai 2009**. Peserta boleh mendaftar terus pada hari pertama seminar dijalankan sekiranya terdapat kekosongan.

# PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Ketua Pengarah**  
Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)  
Bangi 43000 KAJANG  
(u.p: Pusat Latihan)

Sebarang pertanyaan, sila hubungi: Zuhairah/Robiatul/Maria

Tel : 03 - 8925 0510 samb. 1538/1817/1243  
Faks : 03 - 8925 3687  
Emel : zuhairah@nuclearmalaysia.gov.my  
robby@nuclearmalaysia.gov.my  
mariatul@nuclearmalaysia.gov.my